

**B**ANGI: Dalam usaha memupuk kesedaran generasi muda mengenai barangan keluaran tempatan, Pertubuhan Belia Glokal Wilayah Persekutuan (PBGWP) mengadakan Karnival Kempen Kuasa Pengguna 2010 di lima institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Lembah Klang pada setiap hujung minggu dari 10 Julai lalu hingga 8 Ogos ini.

Karnival yang diadakan sempena Bulan Kepenggunaan pada bulan ini membabitkan penganjuran di Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 10 dan 11 Julai; Universiti Kebangsaan Malaysia (17 dan 18 Julai); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (24 dan 25 Julai); Universiti Putra Malaysia (31 Julai dan 1 Ogos) dan Universiti Malaya (7 dan 8 Ogos).

Setiausaha PBGWP, Mohd Azren Abd Aziz, berkata kempen jelajah IPT itu yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) mensasarkan kira-kira 5,000 pengunjung termasuk pelajar dan orang ramai menghadiri setiap karnival berkenaan.

"Ia bagi memberi kesedaran dan pendedahan kepada komuniti pelajar yang kebanyakannya lebih gemar memilih barangan berjenama dari luar negara mengenai kelebihan produk buatan Malaysia.

"Kebanyakan peniaga yang menyertai kempen ini menghasilkan produk mereka sendiri dan menawarkan harga promosi untuk jualan produk mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di karnival itu di sini, kelmarin. Karnival yang julung kali diadakan itu menyediakan 60 gerai jualan pelbagai produk tempatan seperti pakaian, makanan,



ROZITA (tengah) semasa melayan orang ramai digerainya ketika Karnival Kempen Kuasa Pengguna 2010 di UKM Bangi.

## Karnival pupuk kesedaran guna barangan tempatan

produk kesihatan dan kecantikan serta pameran kepenggunaan untuk kunjungan orang ramai.

Turut diadakan pertandingan futsal, pidato, sukan rakyat, amazing race, wayang pacak, "junk war" dan ceramah kepenggunaan dengan tawaran hadiah lumayan.

Sementara itu, pengunjung yang ditemui, Mohd Nazim Ramadan, 23, berkata karnival berkenaan mempunyai daya tarikan tersendiri kerana ia tidak hanya berorientasikan kepenggunaan saja tetapi juga menyediakan aktiviti dan permainan menarik.

"Sekurang-kurangnya ia tidaklah membosankan kerana sebagai pelajar, kami

**“**la bagi memberi kesedaran dan pendedahan kepada komuniti pelajar yang kebanyakannya lebih gemar memilih barangan berjenama dari luar negara mengenai kelebihan produk buatan Malaysia”

**Mohd Azren  
Abd Aziz**  
Setiausaha PBGWP

lebih gemar jika sesuatu program diselitkan dengan aktiviti bersifat interaktif seperti dianjurkan pertubuhan ini. Harga barangan yang dijual juga murah dan sesuai dengan keperluan pelajar," katanya.

Peniaga, Rozita Abdul Ghani, 28, berkata beliau mengambil kesempatan membuka gerai di kelima-lima karnival jelajah IPT itu kerana berasaskan produk pakaian dan tudung yang dijualnya mampu memenuhi cita rasa pelajar.

"Harga yang kami tawarkan juga berpatutan dan lebih murah berbanding jualan di kedai kami di Shah Alam. Setakat ini, sambutan daripada orang ramai amat membe-rangsangkan," katanya.